MCIS INSURANCE BERHAD Registration No.: 199701019821 (435318-U)

Head Office:
Wisma MCIS, Jalan Barat,
46200 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia

Postal Address:
P.O. Box 345, Jalan Sultan,
46916 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia

T +603 7652 3388
F +603 7957 1562
E customerservice@mcis.my
W www.mcis.my

mcis LIFE
member of Sanlam group

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK	MCIS Insurance Berhad
Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk melanggan Merchantrade Insure – Life. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.	**Merchantrade Insure – Life**
	<Tarikh>

1. Apakah ciri-ciri produk ini?

Merchantrade Insure – Life ialah pelan insurans hayat bertempoh yang boleh diperbaharui setiap tahun. Pelan ini menyediakan perlindungan sedunia 24 jam kepada Hayat yang Diinsuranskan bagi kematian akibat semua punca.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Pelan ini melindungi:

Manfaat Kematian Asas	100% Jumlah Asas Diinsuranskan perlu dibayar apabila berlaku kematian Hayat yang Diinsuranskan atas semua punca.
Manfaat Kematian Tambahan Akibat Penyakit Khusus*	Tambahan 100% daripada Jumlah Asas Diinsuranskan perlu dibayar apabila berlaku kematian Hayat yang Diinsuranskan akibat Penyakit Khusus.

**Penyakit Khusus bermaksud demam Denggi, demam Chikungunya, Malaria, Ensefalitis Jepun, Influenza Burung dan virus Zika.*

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manafaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MCIS Life atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium yang perlu dibayar bergantung kepada pelan yang dipilih:

Jumlah Asas Diinsuranskan (RM)	Premium (RM)			
	Pelan Bulanan	Pelan Suku Tahunan	Pelan Setengah Tahunan	Pelan Tahunan
4,000	1.00	3.00	6.00	12.00
6,000	1.50	4.50	9.00	17.00
8,000	2.00	6.00	12.00	22.00
12,000	3.00	9.00	18.00	30.00
16,000	4.00	12.00	24.00	40.00
20,000	5.00	15.00	30.00	50.00
30,000	7.50	22.50	45.00	75.00

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Komisen 10% akan dibayar kepada ejen jualan daripada premium yang dikumpulkan.

5. Apakah terma dan syarat penting yang perlu saya ketahui?

- Kepentingan Pendedahan – Anda mesti mendedahkan semua fakta penting yang anda ketahui atau patut ketahui seperti umur dan keadaan kesihatan anda yang mungkin mempengaruhi profil risiko. Anda perlu memastikan bahawa semua maklumat yang diberikan adalah lengkap dan tepat kerana ia membentuk asas kontrak insurans.
- Tunai Sebelum Perlindungan – Premium penuh harus dibayar sebelum tarikh kuatkuasa polisi.
- Had Umur – 18 tahun hingga 60 tahun pada hari jadi lepas, boleh diperbaharui sehingga 66 tahun pada hari jadi lepas.
- Tempoh Bertenang – Anda layak menerima tempoh bertenang 15 hari kalendar dari tarikh permulaan polisi untuk menilai kesesuaian polisi. Anda boleh membatalkan polisi dalam tempoh bertenang ini dan mendapatkan bayaran balik penuh premium, dengan syarat bahawa tiada tuntutan dibuat di bawah polisi.
- Tempoh Tangguh:
  - Untuk pelan 12 bulan – 30 hari dari tarikh kena bayar premium. Jika sebarang premium masih belum dibayar pada akhir tempoh tangguh, polisi akan luput.

- Untuk pelan lain – tempoh tangguh tidak terpakai. Polisi akan luput jika sebarang premium masih tidak dibayar selepas tarikh kena bayar premium. Jika sebarang premium dibayar selepas tarikh kena bayar premium, polisi terdahulu tidak akan dikembalikan dan sebaliknya polisi baharu akan dikeluarkan.

- Anda hendaklah membaca dan memahami pelan insurans dan menghubungi MCIS Insurance Berhad terus untuk maklumat lanjut.
- Jika anda bertukar pelan insurans anda daripada satu syarikat insurans kepada yang lain atau bertukar daripada satu pelan insurans kepada yang lain, anda mungkin dikenakan terma dan syarat baharu bagi pelan insurans baharu atau oleh syarikat insurans baharu.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk terma dan syarat polisi.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Manfaat di bawah pelan ini tidak akan melindungi sebarang kematian disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu kejadian berikut:

(i) Sebarang perbuatan haram/tidak sah.
(ii) Sebarang pendedahan sengaja kepada bahaya, bunuh diri, atau kecederaan disengajakan.
(iii) Peperangan, serangan, atau pemberontakan.
(iv) Penyertaan dalam kekacauan awam.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Pembelian polisi hayat adalah satu komitmen kewangan jangka panjang. Walau bagaimanapun, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada Merchantrade. Borang pembatalan boleh diperoleh daripada cawangan, wakil atau laman web Merchantrade. Borang pembatalan lengkap mesti diserahkan kepada Merchantrade menerusi cawangan atau wakilnya. Dengan ini dimaklumkan bahawa pelan ini tiada nilai serahan.

Anda juga layak menerima tempoh bertenang selama 15 hari kalendar dari tarikh permulaan polisi untuk menilai kesesuaian polisi. Anda boleh membatalkan polisi dalam tempoh bertenang ini dan mendapatkan bayaran balik penuh premium, dengan syarat bahawa tiada tuntutan dibuat di bawah polisi.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan kepada maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan anda (termasuk maklumat perhubungan penama dan/atau pemegang amanah) untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda dan/atau penama/pemegang amanah anda tepat pada masanya.

9. Pemberitahuan Tuntutan

Jika terdapat sebarang kejadian yang mungkin menimbulkan tuntutan, dokumen-dokumen berikut mesti diserahkan kepada Merchantrade menerusi cawangan atau wakilnya:

(i) Borang Tuntutan Kematian yang lengkapi; dan
(ii) Bukti kematian yang boleh diterima bagi Hayat yang Diinsuranskan – sekurang-kurangnya, sijil kematian Hayat yang Diinsuranskan; dan
(iii) Sebarang dokumen lain yang kami perlukan.

Tuntutan akan dinilai dan dimaklumkan kepada penama dalam tempoh 5 hari berkerja selepas penerimaan dokumentasi lengkap. Untuk menyemak status tuntutan, sila hubungi Merchantrade:

- Emel : MI_enquiries@mtradeasia.com
- Talian Khas : 03-8313 8606 [Isnin hingga Jumaat – 9:00am to 5:30pm (Kecuali cuti umum)]

10. Di mana boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai insurans hayat, sila rujuk kepada buku kecil *insuranceinfo* yang berkaitan yang terdapat di www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

MCIS Insurance Berhad **No. Pendaftaran 199701019821 (435318-U)**
Ibu Pejabat : Wisma MCIS, Jalan Barat, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Alamat Pos : P.O. Box 345, Jalan Sultan, 46916 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel : 03-7652 3388
Faks : 03-7957 1562
Emel : customerservice@mcis.my
Laman Utama : www.mcis.my

MCIS Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

11. Lain-lain jenis perlindungan yang serupa tersedia

Sila rujuk kepada MCIS Insurance Berhad atau wakil jualan kami untuk jenis pelan lain yang serupa yang ditawarkan oleh MCIS Insurance Berhad.

NOTA PENTING
MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT ADALAH KOMITMENT KEWANGAN JANGKA MASA PANJANG. ANDA MESTI MEMILIH JENIS POLISI YANG SESUAI DENGAN SITUASI PERIBADI ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT. **SEKIRANYA TERDAPAT KONFLIK TAFSIRAN ANTARA BAHASA INGGERIS DAN BAHASA MALAYSIA ATAU KEKABURAN YANG TIMBUL DARIPADA TERJEMAHAN KEPADA BAHASA MALAYSIA, TEKS BAHASA INGGERIS DAN TAFSIRANNYA AKAN DIUTAMAKAN.**

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada <Tarikh>.

Inisiatif oleh:

PERLINDUNGAN tenang MAMPU & MUDAH